



MOSTI kenal pasti masalah dihadapi syarikat pemula

Oleh Muhammad Yusri Muzamir - November 17, 2021 @ 6:43pm
yusri.muzamir@bh.com.my



Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Dr Adham Baba

KUALA LUMPUR: Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) mengenal pasti beberapa masalah dihadapi syarikat penerima dana kerajaan.

Menterinya, Datuk Seri Dr Adham Baba, berkata ia dikenal pasti melalui kajian pembangunan Malaysia Startup Ecosystem Roadmap (SUPER) 2021-2030 oleh kementeriannya pada 15 November lalu.

Beliau berkata, antara permasalahan itu ialah kekurangan pembabitan sektor swasta dalam pembiayaan dan pelaburan kepada syarikat pemula, menyebabkan kebanyakannya terpaksa berpindah ke negara lain bagi mendapatkan sumber pembiayaan atau pelaburan lebih besar.

Selain itu, katanya, syarikat pemula tempatan dilihat kurang mempunyai bakat atau kemahiran teknikal dan digital diperlukan ketika ini.

"Masyarakat tempatan juga takut gagal dalam perniagaan dan tidak mempunyai hala tuju jelas daripada peringkat pembentukan idea hingga pengkomersialan.

"Ekosistem tidak menzahirkan satu sistem atau agensi pemudah cara yang dapat menawarkan perkhidmatan dan sokongan kepada syarikat startup secara keseluruhan.

"Dasar dan pengawalseliaan sedia ada juga dilihat tidak tangkas menangani isu dan cabaran semasa dihadapi startup.

"Kekurangan akses untuk menembusi pasaran luar, menyebabkan produk atau teknologi dihasilkan tidak dapat dikomersialkan di peringkat global," katanya ketika menggulung perbahasan Rang Undang-Undang Perbekalan 2022 di Dewan Rakyat, hari ini.

Terdahulu, Dr Adham memaklumkan, dana bernilai RM4.23 bilion digunakan bagi program pembiayaan atau pelaburan ke atas 828 syarikat pemula teknologi sepanjang pelaksanaan Rancangan Malaysia.

"Sebanyak 664 syarikat pemula menerima pembiayaan atau pelaburan daripada MOSTI membabitkan peruntukan keseluruhan sebanyak RM543 juta, di bawah Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK-11)," katanya.